



PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 3 TAHUN 2024

**PENJAJARAN SEMULA PUSAT TANGGUNGJAWAB DI UNIVERSITI MALAYSIA
TERENGGANU (UMT)**

Tujuan

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penjajaran semula pusat tanggungjawab di bawah portfolio Pro Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat) dan Pro Naib Canselor (Strategi dan Prestasi) di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Latar Belakang

2. Sebagai sebuah universiti yang dinamik dan berdaya saing, UMT perlu memastikan struktur organisasi dan fungsinya yang menjadi asas kepada tadbir urus yang cemerlang sentiasa dikemas kini dan relevan dengan keperluan semasa.

Penjajaran Semula Pusat Tanggungjawab

3. Selaras dengan perkembangan semasa Universiti serta tuntutan keperluan pelbagai pihak dan pemegang taruh, Jawatankuasa Pengurusan Universiti dalam mesyuaratnya Kali Ke-299 (Bil. 9 Tahun 2024) telah bersetuju dengan perkara-perkara berikut:-
 - a) Perubahan penempatan Pejabat Komunikasi Korporat daripada portfolio Pro Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat) kepada portfolio Naib Canselor.
 - b) Perubahan penempatan Pusat Ekosistem Digital daripada portfolio Pro Naib Canselor (Strategi dan Prestasi) kepada portfolio Naib Canselor.

Tarikh Kuat Kuasa

4. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa pada **1 Ogos 2024**. Sehubungan itu, seluruh warga UMT dimohon untuk mengambil maklum mengenai penambahbaikan struktur organisasi dan tadbir urus UMT tersebut.

**"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

Ts. WAN ABDUL MANAN BIN WAN ABDULLAH
Pendaftar
Universiti Malaysia Terengganu